

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menambah aset negara daripada segi bantuan kepada bencana banjir dan adakah Kerajaan juga bercadang mewujudkan satu kumpulan sukarelawan khusus untuk bantuan banjir.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa isu telah dikenalpasti dan memerlukan penambahbaikan dalam pengendalian bencana banjir. Antara yang telah dimaklumkan adalah mengenai peningkatan keupayaan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan bencana ekstrem, antaranya penggunaan bot berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pengendalian bencana di negara ini adalah berdasarkan sistem jawatankuasa di mana Jawatankuasa Pengurusan Bencana telah diwujudkan di peringkat Daerah, Negeri dan Pusat. Jawatankuasa ini dipengerusikan masing-masing oleh Pegawai Daerah, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah dan Negeri, bertanggungjawab untuk menyelaraskan gerak kerja bantuan dan pemulihan agensi-agensi Kerajaan termasuk kepada badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela (NGO) yang terdiri dari pelbagai pertubuhan. Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan bahawa tidak perlu diwujudkan pasukan sukarelawan khusus bagi membantu semasa bencana memandangkan penyertaan pasukan-pasukan sukarelawan sedia ada masih lagi berkeupayaan untuk membantu jentera pengurusan bencana.

Sekian. Terima kasih.